

15 JAN 2003

MAHATHIR-VALUECAP

PERANAN VALUECAP BANTU TINGKATKAN MINAT PEMBELIAN SAHAM

KOTA BAHARU, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata penyertaan Valuecap Sdn Bhd (Valeucap) dalam menyuntik pelaburan di pasaran tempatan mampu memberi kesan positif terhadap pasaran serta meningkatkan minat orang ramai dalam membeli semula saham.

Katanya Valuecap juga berhak untuk membeli saham-saham yang terdapat di dalam pasaran kerana ianya dibuat secara penuh ketelusan.

"Ia (Valeucap) tak beli banyak saham pun, kerana adanya saja Valuecap maka orang berminat nak membeli. Naiklah harga," katanya pada sidang berita di sini hari ini

Perdana Menteri tiba di sini hari ini bagi lawatan kerja dua hari ke Kelantan.

Valuecap dengan dana RM10 bilion, menyertai pasaran tempatan sejak Jumaat lepas dan langkah itu dijangka boleh meningkatkan nilai saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di antara 33 peratus hingga 68 peratus daripada nilai semasa.

Pada sidang berita itu Dr Mahathir ditanya mengenai tindakan Valuecap itu yang kononnya didakwa dilakukan secara tidak telus.

Dr Mahathir berkata selain dilakukan secara telus Valuecap berhak untuk membeli saham-saham berkenaan malahan penyertaan syarikat itu dalam pelaburan menyebabkan pelabur lain yakin terhadap pasaran sedia ada.

Perdana Menteri juga berkata berbeza dengan tindakan Valeucap, terdapat pihak lain yang sengaja ingin menjatuhkan nilai pasaran sedia ada dengan tindakan menjual secara berleluasa.

"Apabila tak ada orang nak membeli maka jatuhlah harga."

"Sekarang ini kalau ada yang jual kita beli. Kita ada hak untuk membeli," katanya.

"Awak tunjukkan saya orang lain yang telah menekan nilai saham-saham. Adakah mereka telus?" tanya beliau. -- BERNAMA

RAR OS